BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD (BMMB)

ATLAS CREDIT CARD-i CARDHOLDER AGREEMENT/ *PERJANJIAN PEMEGANG KAD KREDIT-i ATLAS*

In consideration of Bank Muamalat Malaysia Berhad [Company No 196501000376 (6175-W)] (hereinafter referred to as BMMB or "the Bank"), a licensed bank incorporated in and under the laws of Malaysia and having its registered office at Bank Muamalat Malaysia Berhad, Level 30, Menara Bumiputra, 21 Jalan Melaka, 50100 Kuala Lumpur, Malaysia, agreeing to issue the ATLAS Credit Card-i (as hereinafter defined) to the individual named (hereinafter referred to as "Cardholder" or "Customer") on the ATLAS Credit Card-i at the Cardholder's request, the Cardholder hereby agrees, covenants and undertakes that signing on and/or use of the ATLAS Credit Card-i shall constitute acceptance by the Cardholder of the following terms and conditions: / *Sebagai pertimbangan Bank Muamalat Malaysia Berhad [No Syarikat 196501000376 (6175-W)] (selepas ini dirujuk sebagai BMMB atau "pihak Bank"), sebuah bank berlesen yang diperbadankan di dalam dan di bawah undang-undang Malaysia dan mempunyai pejabat berdaftar di Bank Muamalat Malaysia Berhad, Jabatan Perniagaan Kad, Tingkat 30, Menara Bumiputra, 21 Jalan Melaka, 50100 Kuala Lumpur, Malaysia, bersetuju untuk menerbitkan Kad Kredit-i ATLAS kepada individu yang dinamakan (selepas ini dirujuk sebagai "Pemegang Kad" atau "Pelanggan") pada Kad Kredit-i* ATLAS *pada permintaan Pemegang Kad, Pemegang Kad dengan ini bersetuju, beraku janji dan mengaku bahawa menandatangani dan/atau penggunaan Kad Kredit-i* ATLAS *ini akan menjadi penerimaan oleh Pemegang Kad bagi terma dan syarat berikut:*

This Cardholder Agreement is intended to be read together with the Declaration and Terms & Conditions, Product Disclosure Sheet (PDS) for **ATLAS Credit Card-i**, pamphlets, brochures or any other relevant terms & conditions issued by BMMB ("**the Bank**") which may be imposed from time to time according to the specific types of facilities bought by the Customer. / *Perjanjian Pemegang Kad ini bertujuan untuk dibaca bersama Pengakuan dan Terma & Syarat, Risalah Pendedahan Produk (RPP) untuk* ***Kad Kredit-i ATLAS****, risalah atau mana-mana terma & syarat lain yang berkaitan yang dikeluarkan oleh BMMB ("****pihak Bank****") boleh dikenakan dari semasa ke semasa mengikut jenis kemudahan tertentu yang dibeli oleh Pelanggan.*

1. DEFINITIONS / *DEFINISI*

"Account(s) or ATLAS SA" means the Customer(s)' account or accounts with the Bank and shall include any other new ATLAS Savings Account-i which may be offered by the Bank from time to time. The products shall be governed by their respective Terms & Conditions./ ***"Akaun atau AS ATLAS"*** *bermaksud akaun Pelanggan atau akaun bersama BMMB dan hendaklah termasuk mana-mana Akaun Simpanan-i* ATLAS *baharu yang akan ditawarkan dari semasa ke semasa di bawah konsep Produk ini adalah tertakluk kepada Terma & Syarat.*

"Agency" refers to the appointment of BMMB by the Cardholder to conduct certain transactions and perform certain tasks on behalf of the Cardholder. ***/ "Agensi"*** *merujuk kepada pelantikan BMMB oleh Pemegang Kad untuk menjalankan transaksi tertentu dan melakukan tugas tertentu bagi pihak Pemegang Kad.*

"ATM" means Automated Teller Machine, whether belonging to the Bank or other participating banks or financial institutions or VISA Global ATM Network, or other affiliated network, in respect of which the Bank has a subsisting arrangement to allow the Cardholder to use the Card at such machine. / ***"ATM"*** *bermaksud Mesin Juruwang Berautomasi atau mesin yang dioperasikan oleh kad, sama ada milik Bank atau bank-bank lain atau institusi kewangan yang turut serta atau milik Rangkaian ATM Global Visa atau lain-lain rangkaian bersekutu, di mana pihak Bank mempunyai persetujuan untuk membenarkan pemegang kad menggunakan Kad di mesin tersebut.*

"Authorised Cash Outlet" refer to any bank, ATM or outlet which are authorised to accept VISA or MasterCard or any other brand owners of which the Bank is a member for cash withdrawal. ***/ "Saluran Tunai yang Dibenarkan"*** *merujuk kepada mana-mana bank, ATM atau saluran yang dibenarkan untuk terima VISA atau MasterCard atau mana-mana pemilik jenama yang Bank merupakan ahli untuk pengeluaran tunai.*

"BMMB or The Bank" means Bank Muamalat Malaysia Berhad. / ***"BMMB atau Bank"*** *bermaksud Bank Muamalat Malaysia Berhad.*

"BNM" means Bank Negara Malaysia. / ***"BNM"*** *bermaksud Bank Negara Malaysia.*

"Card" refers to the **ATLAS Credit Card-i** issued through the **ATLAS Platform** to the existing and prospective Cardholders. / ***"Kad"*** *merujuk kepada* ***Kad Kredit-i ATLAS*** *yang dikeluarkan melalui* ***Platform ATLAS*** *kepada Pemegang Kad yang sedia ada dan yang akan datang.*

"Cardholder or Customer" refers to the customer of the Bank or relevant member of its Group, who accesses, subscribes to and utilises the **ATLAS** Credit Card-i Facility and other such services as provided by the Bank. / ***"Pemegang Kad atau Pelanggan"*** *merujuk kepada pelanggan pihak Bank atau ahli Kumpulan yang berkaitan, yang mendapat akses, melanggan dan menggunakan Kemudahan Kad Kredit-i* **ATLAS** *dan lain-lain perkhidmatan yang disediakan oleh pihak Bank.*

For the purpose of this Agreement, "**Contactless Transaction**" refers to the fast and easy payment method that uses radio-frequency identification (RFID) for making payment by tapping/waving the Card over a secured reader. For customer-facing interfaces, the Bank may use the term "**Swipe Transaction**" or such other descriptive terminology as the Bank may determine from time to time for ease of customer understanding, provided that such terminology shall not affect the meaning of "**Contactless Transaction**" under this Agreement. / *Bagi tujuan Perjanjian ini, "****Transaksi Tanpa Sentuh****" merujuk kepada kaedah pembayaran yang cepat dan mudah yang menggunakan pengenalan frekuensi radio (RFID) bagi membuat pembayaran hanya dengan menyentuh/melayangkan Kad di hadapan peranti bacaan yang selamat. Bagi antara muka yang berhubung dengan pelanggan, pihak Bank boleh menggunakan istilah "****Transaksi Leret****" atau mana-mana istilah deskriptif lain yang ditentukan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa bagi tujuan memudahkan pemahaman pelanggan, dengan syarat bahawa istilah tersebut tidak menjejaskan maksud "****Transaksi Tanpa Sentuh****" di bawah Perjanjian ini.*

"Expiry Date" is the expiry date of the Card as printed onto the Card. / ***"Tarikh Tamat"*** *adalah tarikh tamat Kad seperti yang dicetak di atas Kad.*

"Family Members" shall refer to immediate family members. This will encompass parents, children, siblings and/or spouses only. / ***"Ahli Keluarga"*** *merujuk kepada ahli keluarga terdekat. Ini merangkumi ibu bapa, anak, saudara kandung dan / atau pasangan sahaja.*

"**Force Majeure**" refer to an event where the Bank is unable to perform any operations or to provide any services due to any reason beyond the Bank's control, including but not limited to fire, earthquake, flood, epidemic, natural catastrophe, accident, riots, civil disturbances, industrial dispute, act of public enemy, embargo, war, act of God or any factor in a nature of a force majeure or any failure or disruption to telecommunication, electricity, water, fuel supply, where the Bank shall not in any way be liable for any inconvenience, loss, injury, damages suffered or incurred by the Customer arising from the same. / *Force Majeure merujuk kepada keadaan dimana pihak Bank tidak dapat melaksanakan apa-apa operasi atau menyediakan apa-apa perkhidmatan disebabkan oleh mana-mana keadaan yang di luar kawalan pihak Bank ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada kebakaran, gempa bumi, banjir, wabak, bencana alam semulajadi, kemalangan, rusuhan, gangguan awam, pertikaian industri, perbuatan musuh awam, embargo, peperangan, bencana alam atau apa-apa faktor bersifat force majeure atau sebarang kegagalan atau gangguan telekomunikasi, elektrik, air, bekalan bahan api, yang mana pihak Bank tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua cara ke atas sebarang kesulitan, kehilangan, kecederaan, kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang timbul daripada sebab yang sama.*

"**ID Information**" refers to the information pertaining to the type and number of the User ID as required to be keyed in by the Customer for verification by the Bank's system prior to the activation of the ATLAS Platform for the Customer's access. / ***"Maklumat ID"****merujuk kepada maklumat yang berkaitan dengan jenis dan nombor ID Pengguna yang dikehendaki dan dimasukkan oleh Pelanggan untuk pengesahan oleh sistem Bank sebelum pengaktifan Platform ATLAS untuk akses Pelanggan.*

"**Instruction(s)**" means any request, instruction, application and authorisation pertaining to the Accounts and/or Services communicated in whatever form given or transmitted thru the computer Internet systems, mobile devices or any other available electronic or non-electronic medium**,** based on the use of the applicable Access Codes and unless inconsistent with the context in which it is used, shall include such instructions as may be communicated by the Customer to the Bank thru any other methods which pertains to the ATLAS Platform, including instructions in the form of files containing multiple instructions relating to several transactions./ ***"Arahan"*** *bermaksud apa-apa permintaan, arahan, permohonan dan kebenaran yang berkaitan dengan Akaun dan/atau Perkhidmatan yang disampaikan dalam apa jua bentuk yang diberikan atau dihantar melalui sistem Internet komputer, peranti mudah alih atau mana-mana medium elektronik atau bukan elektronik yang lain yang berasaskan penggunaan Kod Akses yang berkenaan dan melainkan jika tidak konsisten dengan konteks di mana ia digunakan, hendaklah termasuk arahan sebagaimana yang disampaikan oleh Pelanggan kepada pihak Bank melalui apa-apa kaedah lain yang berkaitan dengan Platform ATLAS, termasuk arahan dalam bentuk fail yang mengandungi pelbagai arahan yang berkaitan dengan beberapa transaksi.*

"Internet" means global network of information that is transmitted to the computers and devices which facilitate the telecommunications systems. / ***"Internet"*** *bermaksud rangkaian maklumat global yang dihantar ke komputer dan peranti yang memudahkan sistem telekomunikasi.*

"**ATLAS Platform / ATLAS App(s)**" refers to the digital banking ecosystem established and managed by Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB), which includes mobile applications, web-based platforms, and any other electronic channels designated by the Bank for the purpose of offering and managing Shariah-compliant digital financial products and services, including but not limited to the ATLAS Credit Card-i, , in accordance with these Terms and Conditions. / ***"Platform ATLAS / Aplikasi ATLAS"*** *merujuk kepada ekosistem perbankan digital yang ditubuhkan dan diuruskan oleh Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB), yang merangkumi aplikasi mudah alih, platform berasaskan web, dan mana-mana saluran elektronik lain yang ditetapkan oleh Bank bagi tujuan menawarkan dan mengurus produk dan perkhidmatan kewangan digital yang patuh Shariah, termasuk tetapi tidak terhad kepada Kad Kredit-i ATLAS, selaras dengan Terma dan Syarat ini."*

"Month" is a Gregorian calendar month. / ***"Bulan"*** *adalah bulan kalendar Gregorian.*

"One Time Password ("OTP")" or **"Transaction Authorisation Code ("TAC")"** (whichever is applicable) means the code delivered to the Cardholder's mobile device, which must be entered to verify the identity of the Cardholder and/or authorize specific transactions of the Cardholder. / ***"Kata Laluan Sekali Guna ("OTP")*** *atau* ***"Kod Kebenaran Transaksi ("TAC")*** *(mana-mana yang berkenaan) merujuk kepada kod yang dihantar kepada peranti mudah alih Pemegang Kad, yang perlu dimasukkan untuk mengesahkan identiti Pemegang Kad dan/atau memberi kuasa kepada transaksi tertentu oleh Pemegang Kad.*

"**Password**" refers to a unique string of character created by the Customer (as may be changed by the Customer from time to time) for the activation and subsequent access to the ATLAS Platform. / ***"Kata Laluan"*** *merujuk kepada karakter unik yang dicipta oleh Pelanggan (seperti yang diubah oleh Pelanggan dari masa ke semasa) untuk pengaktifan dan akses seterusnya kepada Platform ATLAS.*

"**PIN**" refers to the Personal Identification Number; a number code assigned by the Bank or determined by the Cardholder to enable the Cardholder to avail to certain Services related to the usage of Card. Cardholder is advised not to use date of birth, Identity card number or mobile number as PIN. / *"**PIN"** merujuk kepada Nombor Pengenalan Peribadi yang dikeluarkan oleh pihak Bank atau ditentukan oleh Pemegang Kad bagi membolehkan Pemegang Kad untuk menggunakan perkhidmatan tertentu yang berkaitan dengan penggunaan Kad. Pemegang Kad adalah dinasihatkan untuk tidak menggunakan tarikh lahir, nombor kad pengenalan atau nombor telefon bimbit sebagai nombor PIN.*

"Purchase Price" refers to the price of the commodity purchased from the commodity seller. This amount is equivalent to the Cardholder's approved credit limit. / ***"Harga Belian"*** *merujuk kepada harga komoditi yang dibeli daripada penjual komoditi. Jumlah ini bersamaan dengan had kredit yang diluluskan oleh Pemegang Kad.*

"Selling Price" refers to the sale price of the commodity by the Bank to the Cardholder. It comprises the principal and profit which shall be due to the Bank as per the facility's terms. / ***"Harga Jualan"*** *merujuk kepada harga jualan komoditi oleh pihak Bank kepada Pemegang Kad. Ia terdiri daripada prinsipal dan keuntungan yang perlu dibayar kepada Bank mengikut syarat kemudahan.*

"**Service(s)**" refers to the Bank's products and services as the context may require made available to the Customer and as may be added or changed, from time to time. / ***"Perkhidmatan"*** *merujuk kepada produk dan perkhidmatan Bank yang diperlukan oleh konteks yang disediakan kepada Pelanggan dan seperti yang mungkin ditambah atau diubah, dari semasa ke semasa.*

"Terms & Conditions (T&C)" means the terms and conditions set out in this document and shall include any amendments, variations and supplements made from time to time by BMMB with prior notice and shall apply to all accounts unless specific account type terms to the contrary apply./ ***"Terma dan Syarat"*** *bermaksud terma dan syarat yang ditetapkan di sini dan termasuk mana-mana pindaan, perubahan dan tambahan yang dibuat dari semasa ke semasa oleh pihak Bank beserta notis hendaklah terpakai kepada semua jenis akaun melainkan jika dinyatakan terma jenis akaun yang sebaliknya diguna pakai.*

"Transaction" means Banking transaction transacted or capable of being transacted by the use or without the use of the Card (inclusive of contactless) and shall include either withdrawal, purchase, payment, fund transfer, balance inquiry, deposits (of cash or cheque), settlement of credit account, cheque book request, statement request, bill payment and any other electronic banking services as the Bank shall offer or introduce from time to time./ ***"Transaksi"*** *Urus Niaga perbankan yang dilakukan atau boleh dilakukan dengan atau tanpa menggunakan Kad (termasuk tanpa sentuh) dan akan termasuk sama ada pengeluaran, pembayaran, pemindahan wang, pertanyaan baki, deposit (wang Tunai atau cek), penyelesaian akaun kredit, permintaan buku cek, permintaan penyata kewangan, bayaran bil dan sebarang khidmat perbankan elektronik lain yang ditawarkan oleh Bank dari semasa ke semasa.*

"Grace Period" means the period of time between the **statement date** and the **payment due date** during which **no interest or profit charges are imposed on retail transactions**, provided that the **full statement balance is paid by the due date./** ***"Tempoh Bertenang"*** *bermaksud tempoh masa antara* ***tarikh penyata*** *dikeluarkan dan* ***tarikh akhir pembayaran****, di mana* ***tiada caj faedah atau keuntungan dikenakan ke atas transaksi runcit****, dengan syarat* ***baki penuh penyata dibayar sebelum atau pada tarikh akhir pembayaran****.*

For the purpose of this Agreement, "**E-commerce**" refers to online transactions conducted via the internet or electronic network where the Card is not physically present at the point of transaction, and for customer-facing interfaces, the Bank may use the term "**Online Payment**" or such other descriptive terminology as the Bank may determine from time to time for ease of customer understanding, provided that such terminology shall not affect the meaning of "**E-commerce**" under this Agreement. / *Bagi tujuan Perjanjian ini, "**E-dagang**" merujuk kepada transaksi dalam talian yang dijalankan melalui internet atau rangkaian elektronik di mana Kad tidak*

*dikemukakan secara fizikal pada titik transaksi, dan bagi antara muka yang berhubung dengan pelanggan, pihak Bank boleh menggunakan istilah "**Bayaran Dalam Talian**" atau mana-mana istilah deskriptif lain yang ditentukan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa bagi tujuan memudahkan pemahaman pelanggan, dengan syarat bahawa istilah tersebut tidak menjejaskan maksud "**E-dagang**" di bawah Perjanjian ini.*

"**Digital Wallet**" means a payment application or electronic service which stores payment credentials of the Card electronically on a mobile device or other electronic device, enabling the Cardholder to perform payment transactions without the physical presentation of the Card, including but not limited to services such as Google Pay, Samsung Pay and any other similar services as may be made available by the Bank from time to time. / *"**Dompet Digital**" bermaksud aplikasi pembayaran atau perkhidmatan elektronik yang menyimpan butiran pembayaran Kad secara elektronik dalam peranti mudah alih atau peranti elektronik lain, yang membolehkan Pemegang Kad melakukan transaksi pembayaran tanpa pengemukaan fizikal Kad, termasuk tetapi tidak terhad kepada perkhidmatan seperti Google Pay, Samsung Pay dan mana-mana perkhidmatan lain yang serupa yang mungkin disediakan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.*

2. GENERAL INFORMATION OF ATLAS CREDIT CARD-i / *MAKLUMAT UMUM KREDIT KAD-i* ATLAS

2.1 The ATLAS Credit Card-i ("the Card") issued by Bank Muamalat Malaysia Berhad ("the Bank" or "BMMB") employs the Shariah concept of *Tawarruq*, which comprises of Commodity *Murabahah* transaction to the customer ("the Cardholder") from the Bank to avail a credit limit equivalent to the Cardholder's commodity purchase price. In addition to the credit limit availed under *Tawarruq*, the Cardholder shall be entitled to privileges and services for the utilisation of the ATLAS Credit Card-i. The services include benefits, privileges and other such value-added offerings granted by the Bank as determined by the Bank. / *Kad Kredit-i* ATLAS *("Kad") yang dikeluarkan oleh Bank Muamalat Malaysia Berhad ("Bank" atau "BMMB") menggunakan konsep Syariah Tawarruq, yang terdiri daripada transaksi Komoditi Murabahah kepada pelanggan ("Pemegang Kad") daripada Bank untuk mendapatkan had kredit yang bersamaan dengan harga pembelian komoditi Pemegang Kad. Sebagai tambahan kepada had kredit yang ditawarkan di bawah Tawarruq, Pemegang Kad berhak mendapat keistimewaan dan perkhidmatan untuk penggunaan Kad Kredit-i* ATLAS*. Perkhidmatan ini termasuk faedah, keistimewaan dan lain-lain tawaran nilai tambah yang diberikan oleh Bank seperti yang ditentukan oleh Bank.*

2.2 The credit card limit granted to the customer employs the Shariah concept of *Tawarruq*, whereby the Bank shall avail an amount up to the specified limit to the ATLAS Cardholder and the Cardholder shall be bound to repay an equivalent amount to the Bank plus the Bank's profit (if any) as per the commodity selling price./ *Had kad kredit yang diberikan kepada pelanggan menggunakan konsep Syariah Tawarruq, di mana Bank akan memperoleh sejumlah amaun sehingga had yang ditetapkan kepada Pemegang Kad* ATLAS *dan Pemegang Kad terikat*

untuk membayar jumlah yang sama kepada Bank ditambah keuntungan Bank (jika ada) berdasarkan harga jualan komoditi.

2.3 The ATLAS Cardholder agrees that, during its currency and subject to the Terms and Conditions herein as stipulated and modified by the Bank from time to time, the Card shall entitle the Cardholder to Services with the Bank within the limit prescribed by the Bank and other such banking facilities provided to the Cardholder from time to time, subject to the Banks express approval./ *Pemegang Kad bersetuju bahawa, dalam mata wangnya dan tertakluk kepada Terma dan Syarat yang terkandung di sini dan diubahsuai oleh pihak Bank dari semasa ke semasa, Kad tersebut akan memberi hak kepada Pemegang Kad kepada Perkhidmatan dengan Bank sehingga had yang ditetapkan oleh pihak Bank dan kemudahan perbankan lain-lain yang disediakan kepada Pemegang Kad dari semasa ke semasa, tertakluk kepada kelulusan Bank.*

2.4 Services extended by the Bank shall cease to be available on the stated expiry date, except the Bank has extended the duration from year to year or for any other period as the Bank deems fit, and any other amounts due under the services and this Agreement up to the expiry and/or termination date of the Card shall become fully payable./ *Perkhidmatan yang dilanjutkan oleh pihak Bank hendaklah terhenti pada tarikh tamat yang dinyatakan, kecuali jika Bank telah memanjangkan tempoh dari tahun ke tahun atau untuk apa-apa tempoh lain sebagaimana yang dianggap wajar oleh pihak Bank, dan apa-apa jumlah lain yang perlu dibayar di bawah perkhidmatan dan Perjanjian ini sehingga tamat tempoh dan / atau tarikh penamatan Kad akan dibayar sepenuhnya.*

2.5 The Cardholder also agrees that the services made available to the Cardholder during the tenure of the Card (including any renewed tenure) include, but are not limited to, the following: / *Pemegang Kad juga bersetuju bahawa perkhidmatan yang disediakan kepada Pemegang Kad semasa tempoh Kad (termasuk mana-mana tempoh yang diperbaharui) termasuk, tetapi tidak terhad kepada yang berikut:.*

a) The facilitation of purchasing Halal goods and services from authorized Merchants; and/or / *Kemudahan membeli barang dan perkhidmatan Halal dari Peniaga sah; dan/atau*

b) The facilitation of cash withdrawals; and/or / *Kemudahan pengeluaran wang tunai; dan/atau*

c) The operation of various banking accounts opened for the Cardholder which relate to the use of the Card; and/or / *Pengendalian pelbagai akaun perbankan dibuka kepada Pemegang Kad yang berkaitan dengan penggunaan Kad; dan/atau*

d) The facilitation of any programs or services made available by BMMB from time to time; / *Mana-mana kemudahan untuk program atau perkhidmatan yang disediakan oleh BMMB dari semasa ke semasa;*

2.6 BMMB always reserves the right, with provision of adequate notice (except for occurences as per 17.1.1 below), to end, cease, terminate, otherwise change or provide any services, benefits and privileges of the Card. / *BMMB sentiasa berhak, dengan memberi notis yang wajar*

(kecuali jika berlaku keadaan seperti dalam 17.1.1. di bawah), untuk menamatkan, menghentikan, mengubah atau memberikan apa-apa perkhidmatan, manfaat dan keistimewaan Kad.

3. STRUCTURE OF THE ATLAS CREDIT CARD-i FACILITY UNDER TAWARRUQ / *STRUKTUR KEMUDAHAN KAD KREDIT-i* ATLAS *DI BAWAH TAWARRUQ*

3.1 Under the Shariah concept of *Tawarruq*, the Bank offers the ATLAS Credit Card-i facility and avails the Cardholder a prescribed credit limit by executing the following: / *Di bawah konsep Syariah Tawarruq, Bank menawarkan kemudahan Kad Kredit-i* ATLAS *kepada Pemegang Kad dan memanfaatkan Pemegang Kad dengan penetapan had kredit dengan melaksanakan berikut:*

a) **Conduct Commodity Murabahah / *Pelaksanaan Komoditi Murabahah***

(i) The customer applies for ATLAS Credit Card-i financing through ATLAS App by entering into a binding promise (*Wa`d Mulzim*) for an asset requisition to purchase the commodity from BMMB. The customer will issue a Purchase Requisition (which is irrevocable on issuance) to BMMB. The document comprises the following elements: / *Pelanggan memohon pembiayaan Kad Kredit-i* ATLAS *daripada BMMB dengan mengikat janji (Wa`d Mulzim) untuk permintaan aset untuk membeli komoditi daripada BMMB. Pelanggan akan mengeluarkan Permintaan Pembelian (yang tidak dapat dibatalkan daripada terbitan) kepada BMMB. Dokumen ini terdiri daripada unsur-unsur berikut:*

(1) Purchase Request, to the effect that the customer requests to purchase the underlying commodity from the Bank; / *Permintaan Belian, memandangkan permintaan pelanggan untuk membeli komoditi asas daripada pihak Bank*;

(2) Undertaking To Purchase (*Wa`d Mulzim*), to the effect that the customer undertakes to purchase the underlying commodity from the Bank at the Selling Price upon the Bank having purchased the said underlying commodity from a commodity trader (i.e. first trader); and / *Akujanji untuk Belian (Wa`d Mulzim), untuk memberi kesan bahawa pelanggan berjanji untuk membeli komoditi daripada pihak Bank pada Harga Jualan apabila pihak Bank telah membeli komoditi tersebut dari peniaga komoditi (iaitu peniaga pertama);*

(3) Agency To Conclude Purchase, to the effect that the customer will appoint the Bank as his/her restricted agent (restricted *Wakalah*) to conclude the purchase of the underlying commodity from the Bank and subsequently to enter into the *Murabahah* Sale Contract (on his/her behalf) with the Bank. The customer will also execute and deliver a Letter of Agency to BMMB whereby the Customer will appoint BMMB as his agent (under *Wakalah* concept) to sell the underlying commodity to another commodity trader (i.e. second trader) upon conclusion of the *Murabahah* Sale Contract./ *Agensi Untuk Menyelesaikan Belian, untuk memberi kesan bahawa pelanggan akan melantik pihak Bank sebagai ejen terhadnya (Wakalah*

terhad) untuk membuat pembelian komoditi daripada pihak Bank dan kemudiannya memasuki Kontrak Jualan Murabahah (bagi pihaknya) dengan pihak Bank. Pelanggan juga akan melaksanakan dan menyampaikan Surat Agensi kepada BMMB di mana Pelanggan akan melantik BMMB sebagai ejennya (di bawah konsep Wakalah) untuk menjual komoditi asas kepada peniaga komoditi lain (iaitu peniaga kedua) apabila Kontrak Jualan Murabahah dimuktamadkan.

(ii) Upon receipt by BMMB of the Purchase Requisition from the customer and pursuant to the purchase request, BMMB will purchase the underlying commodity from a commodity trader at the cost price of the underlying commodity which shall be an amount equivalent to the financing amount i.e. the credit limit. The commodity trader will deliver the underlying commodity evidenced by the certificate together with the delivery order as evidence for the transfer of ownership to the Bank. */ Apabila diterima oleh BMMB dari Permintaan Pembelian daripada pelanggan dan menurut permintaan pembelian tersebut, BMMB akan membeli komoditi dari peniaga komoditi dengan harga kos komoditi yang menjadi jumlah yang bersamaan dengan jumlah pembiayaan iaitu had kredit. Peniaga komoditi akan menyerahkan komoditi bersama sijil sebagai bukti penghantaran untuk pemindahan pemilikan kepada Bank.*

(iii) Pursuant to the undertaking to purchase (*Wa `d* Mulzim), the Bank will then sell the underlying commodity to the customer at the Selling Price based on the Murabahah concept (Commodity Cost + Profit Margin) which shall be payable by the customer to the Bank by way of instalments, deferred payment, or any other method in accordance with the manner as prescribed by the Bank. Pursuant also to the agency to conclude purchase, the Bank (as customer's representative to accept on customer's behalf) will then conclude the purchase of the underlying commodity from the Bank and enter into the Murabahah Sale contract. */ Selaras dengan Akujanji untuk Belian (Wa `d Mulzim), Bank akan menjual komoditi tersebut kepada pelanggan dengan Harga Jualan berdasarkan konsep Murabahah (Kos Komoditi + Margin Keuntungan) yang akan dibayar oleh pelanggan kepada Bank dengan cara ansuran, pembayaran tertunda, atau apa-apa cara lain mengikut cara yang ditetapkan oleh Bank. Selaras juga dengan agensi untuk memuktamadkan pembelian, Bank (sebagai wakil pelanggan untuk menerima atas nama pelanggan) akan memuktamadkan pembelian komoditi yang mendasari dari Bank dan memasuki kontrak Jualan Murabahah.*

(iv) The Murabahah contract concluded and the Customer appoint the Bank as an agent to sell the commodity to the second trader. */ Kontrak Murabahah dimuktamadkan dan Pelanggan melantik Bank sebagai ejen untuk menjual komoditi itu kepada rakan niaga kedua.*

(v) Upon conclusion of step four (iv) above and pursuant to the Letter of Agency, the Bank will then sell the underlying commodity to the second commodity trader at the Commodity Cost. */ Apabila tamatnya langkah (3) di atas dan selaras dengan Surat*

Agensi, maka Bank akan menjual komoditi kepada rakan niaga komoditi kedua pada Kos Komoditi.

(vi) The Bank will then disburse (or otherwise make available) the sale proceeds, which will be an amount equivalent to the Financing Amount (the credit limit), received from such sale, into a designated account of the Customer. / *Bank akan membuat pembayaran (atau sebaliknya menyediakan) hasil jualan, yang akan menjadi amaun yang bersamaan dengan Amaun Pembiayaan (had kredit), yang diterima daripada penjualan sedemikian, ke dalam akaun yang ditetapkan oleh Pelanggan.*

b) **Transactions Confirmation / *Pengesahan Transaksi***

The Cardholder may request BMMB to issue a Transaction Confirmation upon completion of the commodity sale to the commodity purchaser. / *Pemegang Kad boleh meminta BMMB untuk mengeluarkan Pengesahan Transaksi setelah selesai penjualan komoditi kepada pembeli komoditi.*

c) **Commodity delivery** / ***Penghantaran Komoditi***

The Cardholder is entitled to take delivery of the purchased Commodity upon explicit request. The Cardholder must solely bear all costs and expenses incurred for the delivery and subsequent transfer of ownership. / *Pemegang Kad berhak mengambil penghantaran Komoditi yang dibeli atas permintaan yang jelas. Pemegang Kad perlu menanggung semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung untuk penghantaran dan pemindahan pemilikan berikutnya.*

d) ***Ibra`* (rebate by the Bank on the profit as per the Selling Price) / *Ibra`* *(rebat oleh Bank atas keuntungan seperti Harga Jualan)***

BMMB may grant *Ibra`* (rebate) on any portion of the profit as per the Selling Price to the Cardholder in the event of settlement and termination of the ATLAS Credit Card-i. / *BMMB boleh memberikan ibra '(rebat) ke atas mana-mana bahagian keuntungan seperti Harga Jualan kepada Pemegang Kad sekiranya berlaku penyelesaian dan penamatan Kad Kredit-i.*

4. AGENCY / *AGENSI*

4.1 The Cardholder shall appoint the BMMB as his/her agent to execute Purchase and Sale on his/her behalf. The appointment shall be unconditional and irrevocable by the Cardholder. BMMB shall perform the Purchase of the commodity from BMMB unto the Cardholder as an agent to conclude the Purchase on behalf of the Cardholder. BMMB shall also perform the commodity Sale to the commodity purchaser on the Cardholder's behalf. / *Pemegang Kad akan melantik BMMB sebagai ejennya untuk melaksanakan Pembelian dan Penjualan bagi pihaknya. Perlantikan itu tidak bersyarat dan tidak boleh dibatalkan. BMMB akan melaksanakan Pembelian komoditi daripada BMMB kepada Pemegang Kad sebagai ejen untuk membuat*

kesimpulan Pembelian bagi pihak Pemegang Kad. BMMB juga akan melaksanakan Jualan komoditi kepada pembeli komoditi atas nama Pemegang Kad.

4.2 The agency appointment of BMMB by the Cardholder shall take effect from the date of appointment and shall apply and suffice for any renewal or changes to the limit of the facility. */ Agensi pelantikan BMMB oleh Pemegang Kad akan berkuatkuasa dari tarikh pelantikan dan akan terpakai dan cukup untuk sebarang pembaharuan atau perubahan pada had kemudahan tersebut.*

4.3 The Cardholder authorizes BMMB to execute and deliver any documents or instruments as deemed necessary by BMMB for the performance of its obligations under the Tawarruq process. */ Pemegang Kad memberi kuasa kepada BMMB untuk melaksanakan dan menyerahkan sebarang dokumen atau instrumen yang dianggap perlu oleh BMMB untuk melaksanakan tanggungjawabnya di bawah proses Tawarruq*.

4.4 BMMB shall, to the best of its efforts, ensure that the proceeds of the commodity sale to the commodity purchaser equate the specified Purchase Price. */ BMMB hendaklah, membuat yang terbaik, memastikan bahawa hasil penjualan komoditi kepada pembeli komoditi bersamaan dengan Harga Jualan yang dinyatakan.*

4.5 The Cardholder agrees that BMMB's arrangements with the commodity purchaser or any other suppliers or relevant third parties may require BMMB to disclose the fact that BMMB is acting as an agent of the Cardholder and to name the Cardholder as its principal. */ Pemegang Kad bersetuju bahawa susunan BMMB dengan pembeli komoditi atau mana-mana pembekal yang lain atau pihak ketiga yang berkaitan mungkin memerlukan BMMB untuk mendedahkan fakta bahawa BMMB adalah sebagai ejen kepada Pemegang Kad dan menamakan Pemegang Kad sebagai Utamanya.*

4.6 The Cardholder acknowledges and agrees to setup and maintain an account(s) with BMMB with which BMMB is authorized to operate on behalf of the Cardholder. */ Pemegang Kad mengakui dan bersetuju untuk membuka dan mengekalkan akaun bersama BMMB dimana BMMB berkuasa untuk beroperasi bagi pihak Pemegang Kad.*

4.7 BMMB affirms that the proceeds of the sale of commodities to the commodity purchaser are to be credited to the Cardholder's card account in the form of the approved card limit and that the Cardholder shall perform/suffice all necessary requirements to effect the provisions of this Cardholder Agreement. */ BMMB mengesahkan bahawa hasil penjualan komoditi kepada penjual komoditi adalah untuk dikreditkan kepada akaun kad Pemegang Kad di dalam bentuk had kad yang diluluskan dan Pemegang Kad hendakalah melaksanakan/mencukupkan semua keperluan yang diperlukan untuk peruntukan perjanjian Pemegang Kad.*

4.8 BMMB shall act solely as an agent of the Cardholder on a restricted limited basis to the extent expressly defined herein only and not be regarded an agent for any other purpose. */ BMMB hendaklah bertindak sebagai ejen Pemegang Kad semata-mata atas dasar terhad*

setakat yang ditakrifkan secara nyata di sini sahaja dan tidak dianggap sebagai ejen untuk maksud lain.

4.9 Any of the expenses, fees and commissions that have not been ascertained and invoiced to BMMB by the commodity purchaser by the time that the Cardholder incurs the obligation to make the payment of the BMMB's Sale Price, then such expenses, fees and commissions shall become due and payable by the Cardholder to BMMB upon BMMB receiving the appropriate invoice therefore from the commodity purchaser, as relevant, and upon BMMB then providing the appropriate invoice therefore to the Cardholder./ *Apa-apa perbelanjaan, yuran dan komisen yang belum ditentukan dan invois kepada BMMB daripada pembeli komoditi pada masa Pemegang Kad menanggung kewajiapan untuk membuat pembayaran kepada Harga Jualan BMMB, maka perbelanjaan, yuran dan komisen tersebut hendaklah menjadi wajar dan boleh dibayar oleh Pemegang Kad kepada BMMB setelah menerima invois yang sepatutnya seterusnya daripada pembeli komoditi, yang sepatutnya setelah BMMB menyediakan invoice yang sewajarnya kepada Pemegang Kad.*

5. PAYMENT OF THE SELLING PRICE TO THE BANK / *BAYARAN HARGA JUALAN KEPADA PIHAK BANK*

5.1 BMMB's Sale Price or part thereof which may remain unpaid shall be paid by the Cardholder in accordance with the Card Statement issued on the payment due date or any other amount stated therein. The amount(s) stated in the Card Statement shall be due and payable by the Cardholder to BMMB. Payments made to the Card facility shall be deemed as satisfaction of BMMB's Sales Price or part thereof. / *Harga Jualan BMMB atau bahagian yang mungkin masih belum dibayar hendaklah dibayar oleh Pemegang Kad berdasarkan Penyata Kad yang dikeluarkan pada tarikh akhir pembayaran atau apa-apa amaun yang dinyatakan disini. Amaun yang dinyatakan di dalam Penyata Kad hendaklah diterima dan boleh dibayar oleh Pemegang Kad kepada BMMB. Bayaran yang dibuat kepada kemudahan Kad hendaklah dianggap sebagai memenuhi Harga Jualan BMMB atau sebahagian darinya.*

5.2 The Cardholder shall pay BMMB the minimum payment amount due or up to the outstanding balance upon receipt of the Card Statement on or before the Payment Due Date as per the Card Statement. / *Pemegang Kad handaklah membuat bayaran minimum atau sehingga baki tertunggak kepada BMMB apabila menerima Penyata Kad pada atau sebelum tarikh akhir pembayaran seperti yang dinyatakan pada Penyata Kad tersebut.*

5.3 All payments must be made in the billing currency as stated in the Card Statement. Payments shall only be considered to have been made only upon relevant payments have been received for value by BMMB. All payments made thru outstation cheques shall include the relevant Inland Exchange Commission, where applicable, failing which, BMMB shall debit the Cardholder's account for the same./ *Semua bayaran hendaklah dibuat di dalam bentuk mata wang seperti yang dinyatakan di dalam Penyata Kad. Pembayaran yang dibuat akan dipertimbangkan hanya atas pembayaran yang diterima untuk dinilai oleh BMMB. Semua bayaran yang dibuat melalui cek luar hendaklah disertai dengan Pertukaran Komisen Dalaman*

yang berkaitan, di mana berkenaan, yang gagal, BMMB hendaklah debit ke akaun Pemegang Kad yang sama

5.4 BMMB shall retain the liberty to apply all or any such payment in other manners as BMMB deems fit and expedient. */ BMMB berhak mengekalkan kebebasan untuk menggunakan semua atau sebarang pembayaran dalam cara lain sebagaimana yang dianggap sesuai dan wajar.*

5.5 Acceleration of Payment – BMMB shall, subject to prior notification demand the acceleration of a sum or part of the total payment for settlement of the facility or the outstanding Sale Price of BMMB by during the tenure or after maturity of the facility in the following events: */ Pencepatan Pembayaran – BMMB, tertakluk pada notis terlabih dahulu, membuat arahan untuk mempercepatkan jumlah atau sebahagian daripada jumlah bayaran untuk menyelesaikan kemudahan atau Harga Jualan BMMB yang tertunggak semasa tempoh atau selepas kematangan kemudahan tersebut berdasarkan keadaan yang berikut:*

a) Representation made by the Cardholder is negated due to any circumstances; */ Perwakilan yang dibuat oleh Pemegang Kad diabaikan disebabkan oleh apa-apa keadaan;*

b) Any representation or warranty made by the Cardholder is deem incorrect or misleading in any respect on the date deemed made. */ Mana-mana perwakilan atau jaminan yang dibuat oleh Pemegang Kad dianggap salah atau mengelirukan di dalam apa-apa perkara pada tarikh yang dibuat;*

c) There is a breach of the Cardholder Agreement and/or Terms and Conditions; and/or */ Terdapat pelanggaran Perjanjian Pemegang Kad dan / atau Terma dan Syarat; dan / atau*

d) Any other event BMMB determines necessary which can cause material adverse effect to the financial condition of the Cardholder, specifically regarding the Cardholder's ability to perform its obligations under the facility including minimum payment. */ Sebarang acara lain yang ditentukan perlu oleh BMMB yang boleh menyebabkan kesan buruk terhadap keadaan kewangan Pemegang Kad, terutamanya berkenaan kemampuan Pemegang Kad untuk melaksanakan tanggungjawabnya di bawah kemudahan termasuk bayaran minimum.*

6. APPLICATION AND ACCEPTANCE */ PERMOHONAN DAN PENERIMAAN*

6.1 An application for the Card must be made digitally through the ATLAS Apps and is subject to the Bank's requirements, including but not limited to age, references, and supporting documents as specified by the Bank. The Bank may vary such requirement(s) from time to time. */ Permohonan untuk memohon Kad hendaklah dibuat secara digital melalui aplikasi ATLAS dan tertakluk kepada syarat-syarat Bank, termasuk tetapi tidak terhad kepada umur, rujukan, dan dokumen sokongan seperti yang ditentukan oleh Bank. Bank berhak untuk menukar syarat-syarat tersebut dari semasa ke semasa.*

6.2 The Bank may refuse any Card application with provision of reason. The operation of the Card shall be entirely at the discretion of the Bank. */ Pihak Bank berhak untuk menolak mana-*

mana permohonan Kad dengan memberi sebab. Operasi Kad hendaklah mengikut budi bicara Bank sepenuhnya.

6.3 BMMB issues the Card to the Cardholder with the Cardholder agreeing to abide by the Declaration and Terms and Conditions, the Terms and Conditions of this Agreement, and any other Terms and Conditions as may be amended and/or supplemented by BMMB from time to time./ *BMMB mengeluarkan Kad kepada Pemegang Kad dengan Pemegang Kad bersetuju untuk mematuhi Pengakuan dan Terma dan Syarat, Terma dan Syarat Perjanjian ini, dan mana-mana Terma dan Syarat yang boleh dipinda dan/atau ditambah oleh BMMB dari semasa ke semasa.*

6.4 The Cardholder neither shall not transfer or otherwise part with the control or possession of the Card nor use it for any purpose unauthorized by BMMB. / *Pemegang Kad tidak boleh memindah atau sebaliknya dengan bahagian kawalan atau pemilikan Kad tersebut atau menggunakannya untuk sebarang tujuan yang tidak dibenarkan oleh BMMB.*

6.5 The Cardholder shall activate the Card and set up the Personal Identification Number (PIN) for the Card through the ATLAS App and shall ensure that the PIN is kept strictly confidential. The Cardholder shall be liable to the Bank for any debit entry in his/her Card Account arising from any unauthorised transaction resulting from the Cardholder's failure to safeguard the PIN. / *Pemegang Kad hendaklah mengaktifkan Kad dan menetapkan Nombor Pengenalan Peribadi ("PIN") bagi Kad tersebut melalui Aplikasi ATLAS serta memastikan PIN tersebut dirahsiakan sepenuhnya. Pemegang Kad bertanggungjawab kepada Bank ke atas mana-mana kemasukan debit ke dalam Akaun Kadnya yang timbul daripada sebarang transaksi tidak dibenarkan akibat kegagalan Pemegang Kad melindungi PIN tersebut.*

6.6 The use of the Card is restricted to the Cardholder(s) to whom the Card(s) is/are issued for use at designated Merchants, ATMs, banks and financial institutions authorized to accept VISA Cards (as the case may be) as a mode of payment. On receipt of the Card, the Cardholder shall immediately sign at the relevant signature panel on the Card. By using the Card, the Cardholder agrees to be fully bound by the Terms & Conditions herein set out. / *Penggunaan kad adalah dihadkan kepada Pemegang Kad dimana Kad dikeluarkan untuk kegunaan Rakan Niaga, ATM, bank dan institusi kewangan yang diberi kuasa untuk menerima Kad VISA (mengikut mana-mana kes yang berkenaan) sebagai cara pembayaran. Sebaik sahaja menerima Kad, Pemegang Kad perlu segera menandatangani panel tandatangan pada Kad. Dengan menggunakan Kad, Pemegang Kad bersetuju untuk terikat sepenuhnya dengan syarat dan peraturan yang dinyatakan.*

6.7 The Bank has the right to cancel any Cards as the Bank may determine subject to conditions stated in clause 17 below, and the Cardholder shall surrender such cancelled Card to the Bank. / *Pihak Bank mempunyai hak untuk membatalkan mana-mana Kad tertakluk kepada keadaan yang dinyatakan dalam klausa 17 di bawah, dan Pemegang Kad perlu menyerahkan semula Kad yang telah dibatalkan tersebut kepada pihak Bank.*

6.8 *In the event that the Cardholder does not wish to be bound by these Terms and Conditions, the Cardholder shall cancel the Card through the ATLAS App. Upon cancellation, the Cardholder shall be responsible for properly disposing of the Card in a secure manner. The Cardholder shall be solely and entirely liable for any loss, misuse, unauthorised transaction or consequence arising from the Cardholder's failure to properly dispose of the Card. Notwithstanding the cancellation of the Card, the Cardholder shall also continue to be liable for all obligations incurred prior to such cancellation as well as for any and/or all breaches of this Agreement occurring prior to such cancellation. / Sekiranya Pemegang Kad tidak berhasrat untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini, Pemegang Kad hendaklah membatalkan Kad tersebut melalui Aplikasi ATLAS. Setelah pembatalan, Pemegang Kad bertanggungjawab untuk melupuskan Kad tersebut dengan cara yang selamat. Pemegang Kad adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas sebarang kerugian, penyalahgunaan, transaksi tidak dibenarkan atau apa-apa akibat yang timbul daripada kegagalan Pemegang Kad untuk melupuskan Kad tersebut dengan sempurna. Walaupun dengan pembatalan Kad, Pemegang Kad akan terus bertanggungjawab ke atas semua kewajipan yang ditanggung sebelum pembatalan tersebut dan juga untuk mana-mana dan/atau semua pelanggaran asal Perjanjian ini sebelum pembatalan tersebut.*

6.9 Upon approval of the Card application, a virtual card shall be automatically issued to the Cardholder and made available through the ATLAS App. The virtual card may only be used for e-commerce transactions and selected Digital Wallet services, including Google Pay and Samsung Pay, as may be determined by the Bank from time to time. The Cardholder may elect whether or not to activate the virtual card. The virtual card shall not be used for any transaction unless it has been duly activated by the Cardholder through the ATLAS App. In the event the virtual card is not activated within three hundred and sixty (360) days from the date of issuance, the Bank reserves the right to cancel the virtual card on the three hundred and sixty-first (361st) day./ *Selepas kelulusan permohonan Kad, satu kad maya akan dikeluarkan secara automatik kepada Pemegang Kad dan disediakan melalui Aplikasi ATLAS. Kad maya tersebut hanya boleh digunakan untuk transaksi e-dagang dan perkhidmatan Dompet Digital terpilih termasuk Google Pay dan Samsung Pay, sebagaimana yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa. Pemegang Kad boleh memilih sama ada untuk mengaktifkan atau tidak mengaktifkan kad maya tersebut. Kad maya tidak boleh digunakan untuk sebarang transaksi melainkan ia telah diaktifkan dengan sewajarnya oleh Pemegang Kad melalui Aplikasi ATLAS. Sekiranya kad maya tidak diaktifkan dalam tempoh tiga ratus enam puluh (360) hari dari tarikh pengeluaran, pihak Bank berhak untuk membatalkan kad maya tersebut pada hari ketiga ratus enam puluh satu (361).*

6.10 The issuance of a physical card is not automatic. The Cardholder shall be required to request the physical card through the ATLAS App. The physical card shall only be usable upon successful activation by the Cardholder. Until a physical card is issued and activated, the Cardholder may only use the virtual card strictly in accordance with the capabilities, features, and permitted usage set out in Clause 6.9 of this Agreement. / *Pengeluaran kad fizikal adalah tidak automatik. Pemegang Kad hendaklah membuat permohonan bagi kad fizikal melalui Aplikasi ATLAS. Kad fizikal tersebut hanya boleh digunakan selepas berjaya diaktifkan*

oleh Pemegang Kad. Sehingga kad fizikal dikeluarkan dan diaktifkan, Pemegang Kad hanya boleh menggunakan kad maya dengan ketat mengikut keupayaan, ciri-ciri dan penggunaan yang dibenarkan seperti yang diperuntukkan dalam Klausa 6.9 Perjanjian ini.

7. USE OF THE CARD / *PENGGUNAAN KAD*

7.1 The Cardholders shall use the Card only to affect the retail purchase and payment at or for Shariah compliant outlets, goods and services only. The Cardholder acknowledges and agrees that where the Card is used for payment at non-Shariah compliant outlets, goods and services, the Bank has the right to suspend and/or terminate usage of the Card without notice and assigning any reason thereto. / *Pemegang Kad hendaklah hanya menggunakan Kad untuk membuat pembelian dan pembayaran runcit di atau untuk saluran, barangan dan perkhidmatan yang mematuhi Syariah sahaja. Pemegang Kad mengakui dan bersetuju dimana Kad digunakan untuk pembayaran di saluran, barangan dan perkhidmatan bukan Syariah, pihak Bank berhak untuk menggantung dan/atau menamatkan penggunaan Kad tanpa notis dan memberi apa-apa alasan kepadanya.*

7.2 The Cardholder shall be liable to BMMB for all transactions effected by the Cardholder using the Card and for all related charges billed to the Card Account. Notwithstanding anything to the contrary herein contained and without prejudice to the generality of the foregoing, the Cardholder's liability shall continue to subsist notwithstanding the termination of this Agreement. / *Pemegang Kad hendaklah bertanggungjawab kepada pihak Bank untuk semua transaksi yang dilaksanakan oleh Pemegang Kad yang menggunakan Kad dan untuk semua caj yang berkaitan yang dibilkan kepada Akaun Kad. Walaupun terdapat apa-apa percanggahan dan tanpa prejudis kepada kandungan umum terma, liabiliti Pemegang Kad akan terus kekal tanpa mengira akan penamatan Perjanjian ini.*

